



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|-----------|----------|
| Newspaper | KOSMO |
| Date | 2/5/2012 |

6 NEGARA!

KOSMO! RABU 2 MEI 2012

UMS digesa wujudkan Fakulti Kejuruteraan Gas dan Minyak

Lahirkan pakar tempatan – Tun M



Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB
yunus.yakkub@kosmo.com.my

KOTA KINABALU. – Universiti Malaysia Sabah (UMS) disaran mewujudkan Fakulti Kejuruteraan Gas dan Minyak bagi memastikan universiti itu dapat melahirkan lebih ramai anak tempatan yang pakar dalam bidang berkenaan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, saranan itu adalah berdasarkan kajian oleh Petronas yang meramalkan Sabah akan menjadi negeri terkaya dari segi hasil buminya.

“UMS hendaklah melihat kajian

Kosmo - 2/5/2012

tersebut sebagai satu peluang bagi melahirkan kepakaran dalam bidang kejuruteraan dan cari gali,” katanya dalam ucapan siri syarahan Kinabalu: Sabah dalam Konteks Sosio-Politik Malaysia di UMS di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Yahya Hussin dan Naib Canselor UMS, Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Ampon.

Beliau menambah, situasi itu pastinya memberi kebaikan terutama kepada pelajar dan rakyat tempatan dalam menikmati hasil bumi dengan proaktif.

Ujarnya, saranan tersebut juga

harus mendapat sokongan dari segi dasar yang dilakukan oleh kerajaan Pusat dan negeri khususnya.

Katanya, Petronas sendiri merupakan sebuah syarikat petroleum yang menjalankan kesemua bahagian dalam bidang gas dan minyak.

“Ini termasuklah cari gali, membuat kajian, memasar, mewujudkan industri minyak dan membina terusan bawah tanah untuk gas.

“Dengan adanya fakulti tersebut, perusahaan gas dan minyak akan mampu meningkatkan pendapatan masyarakat setempat,” katanya.

MAHATHIR (tengah) menerima cenderamata daripada Kamaruzaman sambil diperhatikan oleh Yahya di Kota Kinabalu semalam.